

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21/12/2012

## Umat Islam lemah kerana terlalu bergantung pihak lain

UM - 21/12/12

KUALA LUMPUR 20 Dis. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) berkata, kelemahan umat Islam pada hari ini sehingga tidak mampu untuk mempertahankan ummah adalah kerana mereka terlalu bergantung kepada pihak lain.

Menurut beliau, mereka juga mengabaikan ilmu pengetahuan khususnya penguasaan dalam bidang matematik, sains dan teknologi yang merupakan sebahagian daripada ilmu agama.

"Jika kita tidak mempelajari bidang lain selain agama seperti sains, kita akan terpaksa bergantung kepada pihak lain. Kebergantungan itu merupakan satu kelemahan, Umat Islam tidak boleh lemah.

"Kalau lemah, bagaimana kita mahu mempertahankan ummah," katanya ketika berucap dalam majlis makan malam sempena penyampaian Anugerah Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini malam ini.

Terdahulu dalam majlis sama, beliau menyampaikan Anugerah Tokoh Alumni UIAM 2012 kepada 14 orang tokoh daripada pelbagai bidang dalam kalangan alumni universiti itu.

Antara penerima anugerah ialah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,



Datuk Noriah Kasnon; Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Mashitah Ibrahim dan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Turut menerima anugerah ialah Rektor UIAM, Prof. Datuk Seri Dr. Zaleha Kamaruddin.

Dr. Mahathir berkata, mempertahankan ummah juga mempunyai kaitan dengan teknologi persenjataan dan perkara itu juga tidak mampu dilakukan orang Islam jika mereka gagal menguasai ilmu.

"Kalau mahu buat senjata yang canggih, pokok pangkalnya perlu ada ilmu. Ilmu sains. Ilmu itu bukannya ilmu sekular tetapi sebahagian daripada ilmu agama. Ramai yang salah anggap, kalau kita belajar sains, kita akan ketepikan agama.

"Itu silap. Ilmu sains juga membolehkan kita mengenali kekuasaan Allah dengan lebih mendalam," tegasnya.

Selain itu jelasnya, umat Islam perlu menguasai bahasa Inggeris yang merupakan satu bonus selain bahasa al-Quran iaitu bahasa Arab.

"Paling utama, jangan tinggalkan al-Quran yang menjadi panduan kita selama-lamanya," tambah beliau.